

# ‘Kenyataan Tun M tak berasas dari segi undang-undang’

Kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan juga tidak pernah dipertikai

**Kuala Lumpur:** Kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa usaha mempromosikan negara berbilang bangsa bertentangan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak berasas dari segi undang-undang, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ramkarpal Singh.

Timbalan Menteri yang bertanggungjawab terhadap Un-

dang-Undang dan Reformasi institusi itu berkata, Dr Mahathir yang menjadi Perdana Menteri selama 23 tahun, tidak pernah mempertikaikan status Malaysia sebagai sebuah negara berbilang bangsa dan kaum dalam tempoh terbabit, malah sudah mengiktiraf perkara berkenaan.

“Tambahan pula, sebagai seorang bekas Perdana Menteri selama lebih dua dekad, sudah tentunya Tun Dr Mahathir mempunyai akses kepada nasihat guaman melalui Peguam Negara dan oleh yang demikian, sedar akan kedudukan undang-undang berkenaan perkara ini.

“Sebagai seorang negarawan yang berpengalaman, Tun Dr Mahathir Sepatutnya sedar akan pentingnya frasa *unity in diversity should be our strength and not our shame* (perpaduan dalam kepelbagaian harus menjadi kekuatan kita dan bukan keaiban

Dr M guna provokasi untuk kekal relevan



kita) di Malaysia seperti mana dinyatakan oleh Hakim Mahkamah Persekutuan Zainun Ali (Tan Sri) di dalam kes Indira Gandhi dan mengambil iktibar daripada frasa berkenaan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengenai dakwaan Dr Mahathir ada desakan Malaysia tidak lagi dikenali sebagai negara Islam, Ramkarpal berkata, kedudukan agama Islam di Malaysia sebagai

Sebagai seorang bekas Perdana Menteri selama lebih dua dekad, sudah tentunya Tun Dr Mahathir mempunyai akses kepada nasihat guaman melalui Peguam Negara dan oleh yang demikian, sedar akan kedudukan undang-undang berkenaan perkara ini.”



Ramkarpal Singh,  
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

agama rasmi Persekutuan tidak pernah dipertikaikan seperti termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

Malah katanya, Mahkamah Persekutuan dalam kes Dhinesh Tanaphill lawan Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors pada 2022 sudah menyatakan bahawa Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan berhubung agama adalah sebahagian daripada struktur asas Perlembagaan Persekutuan yang tidak boleh dipinda oleh Parlimen menerusi pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata, sebarang pindaan sedemikian yang mempunyai kesan mengubah struktur asas Perlembagaan negara adalah tidak berperlembagaan.

“Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan turut memperuntukan bahawa agama, selain agama Islam juga boleh diamalkan dengan aman dan damai di ma-

na-mana bahagian Persekutuan. Ini bermakna, kewujudan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama,” katanya.

Selain itu, Ramkarpal berkata, Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan melarang sebarang diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dan Perkara 11 turut memberikan seorang hak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya.

“Semua peruntukan Perlembagaan Persekutuan di atas, selepas dibaca bersama, mencerminkan pengiktirafan bahawa Malaysia adalah satu negara yang berbilang kaum, budaya dan agama,” katanya.

BERNAMA